

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Madius Tangau
[Tuaran]**

TARIKH : 18.06.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 23

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah kesemua jalan luar bandar di kawasan Parlimen Tuaran terutama sekali jalan yang menuju ke sekolah siap diturap sepenuhnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sehingga kini, Kementerian ini di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB) telah menyiapkan sebanyak tujuh (7) buah projek di kawasan Parlimen Tuaran sepanjang 67.01km dan lima (5) buah jambatan. Manakala sebanyak empat (4) buah projek sepanjang 39.5km masih dalam peringkat pembinaan.

Kesinambungan Program JALB ini akan diteruskan pelaksanaannya sehingga sasaran semua jalan berturap dicapai bergantung kepada kelulusan dan keupayaan kewangan semasa Kerajaan.